

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 3 MAC 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1221-L17701
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana ciri-ciri sekolah menengah harian perlu dinaik taraf menyamai sekolah berasrama penuh bagi membolehkan lebih ramai pelajar mengikut pembelajaran yang lebih bermutu di peringkat menengah.
2. PR-1221-L18056
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek RM4.3 bilion Jambatan Kedua Pulau Pinang apakah kedudukan pemberian tender pakej kedua (superstruktur) dan ketiga (lebuh raya darat), siapa dapat, sebab kelambatan, adakah kos berkurangan dengan penurunan harga minyak, adakah tender terbuka, bilakah tarikh persiapan dan adakah ia terjejas.
3. PR-1221-L17394
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan status pembinaan infrastruktur dan penawaran perkhidmatan oleh pemegang-pemegang lesen bagi teknologi Worldwide Interoperability for Microwave Access atau WiMAX dan langkah-langkah berbentuk preventif dan punitif yang telah diambil pihak Kementerian bagi memastikan pelaksanaan yang mengikut jadual.
4. PR-1221-L17843
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam membantu penoreh-penoreh semasa harga getah jatuh menjunam seperti mewujudkan harga lantai RM 3.00 sekilo dan adakah Kerajaan bercadang menyediakan pakej bantuan tambahan kepada penoreh.

5. PR-1221-L16831
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan Kementeriannya untuk memperluaskan penggunaan Depot Tahanan Sementara Semuja.
6. PR-1221-L17502
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memecahkan monopoli perniagaan barangan makanan seperti gula yang sering mengalami kenaikan harga.
7. PR-1221-L17796
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa buah rumah rakyat kos rendah yang dibangunkan pada tahun 2008 dan berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan bagi keseluruhan rumah tersebut mengikut negeri.
8. PR-1221-L18167
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sebabnya rancangan pembinaan blok tambahan di Hospital Seberang Jaya ditunda. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa kadar penghunian telah melebihi kapasitinya dan kesesakan dalam wad-wad mungkin membahayakan pesakit sekiranya berlaku kecemasan.
9. PR-1221-L16889
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah ada usaha Kementerian untuk meningkatkan kurikulum tingkatan enam di sekolah-sekolah setaraf dengan kurikulum peringkat matrikulasi sebagai usaha menampung pelajar-pelajar pintar yang tidak berpeluang memasuki pusat-pusat pengajian peringkat matrikulasi.
10. PR-1221-L16665
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
 - (a) apakah tindakan-tindakan segera yang akan dilaksanakan untuk mencegah bertambahnya insiden gadis-gadis muda berumur di antara 12 dan 16 tahun yang terbabit dalam aktiviti seks awal, rakan seks berganda dan pengguguran; dan
 - (b) senaraikan bilangan insiden di atas mengikut negeri bagi tahun 2000.

11. PR-1221-L16781
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian sedar bahawa beras bersubsidi tidak dinikmati oleh rakyat di negeri Sabah; dan
 - (b) jika ya, apakah rancangan Kementerian agar kemudahan ini dinikmati oleh rakyat Sabah khususnya rakyat miskin dan berpendapatan rendah.
12. PR-1221-L18273
Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes-kes wanita dirompak termasuk beg diragut, rompak di rumah dan semasa dalam kereta yang telah berlaku pada tahun-tahun 2004, 2005, 2006, 2007 dan 2008 mengikut negeri dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak polis untuk melindungi kaum wanita daripada ancaman ini.
13. PR-1221-L16634
Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana persediaan untuk melaksanakan Jalan Kampung Tuit ke Kampung Mat Daling dalam Rancangan Malaysia Ke-9.
14. PR-1221-L18216
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) jumlah graduan tempatan yang tidak diiktiraf ijazah pengajian mereka yang diperolehi dari pusat pengajian tinggi luar negara mengikut bidang pengajian mereka; dan
 - (b) langkah-langkah yang diambil bagi membantu golongan graduan tersebut.
15. PR-1221-L18368
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha-usaha, selain pemantauan harga, sedang diambil dalam menangani harga barangan yang tinggi di W.P Labuan, meskipun penurunan harga minyak telah beberapa kali dilakukan.

16. PR-1221-L17235
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah atau arahan khusus yang telah dibuat bagi memastikan kemudahan makmal komputer di sekolah dimanfaatkan secara maksima untuk program celik IT dikalangan pelajar.
17. PR-1221-L17641
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan yang dihadapi oleh eksport negara selepas tsunami ekonomi dunia pada tahun 2008.
18. PR-1221-L18215
Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penyiasatan Senate Amerika Syarikat mengenai human trafficking di Malaysia oleh pegawai kerajaan. Adakah dakwaan Senate Amerika Syarikat benar dan apakah cadangan Kementerian untuk membuktikan bahawa dakwaan ini tidak betul.
19. PR-1221-L18325
Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah kajian "Cost Benefit Analysis" telah dilakukan oleh Agensi Remote Sensing Negara dan Agensi Angkasa Negara bagi pembangunan aset seperti stesen penerimaan satelit dan makmal pengujian satelit.
20. PR-1221-L17832
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi menghadapi situasi pemberhentian 170,000 pekerja menjelang September 2009 ini seperti yang dilaporkan MEF baru-baru ini.
21. PR-1221-L16774
Dato' Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk meningkatkan promosi bagi membantu program homestay di negara ini, memandangkan antara punca utama yang menjejaskan kemajuan program ini adalah kurangnya promosi dan iklan.
22. PR-1221-L18064
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak syarikat yang telah mengemukakan cadangan bagi projek Government Integrated Radio Network (GIRN) dan kos pembiayaannya. Kenapakah EPU terlibat dalam projek ini dan apakah sistem rangkaian ini selamat untuk digunakan dan tidak boleh digodam.

23. PR-1221-L16574
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan hasil melalui industri pelancongan daripada Sabah mengikut butiran dari tahun 2004 hingga 2008.
24. PR-1221-L17642
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan rancangan Kerajaan untuk mengawal harga barangan asas yang meningkat akibat kenaikan harga minyak pada tahun 2008.
25. PR-1221-L17547
Dato' Seri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan kedudukan kewangan TNB dimana penutupan penyata akaun suku pertama tahun kewangan 2009 menunjukkan kerugian RM944.1 juta. Apakah Kerajaan berhasrat meneruskan projek pembinaan Kabel Dasar Laut sepanjang 700 km dari Sarawak ke Semenanjung berjumlah RM9 bilion dan merupakan kos yang sama dengan pembinaan Hidro Bakun. Adakah TNB telah menjalankan kajian menyeluruh untuk pembinaan tersebut dari segi keupayaan dan risiko teknikal, teknologi dan kewangan memandangkan projek sebesar ini tidak pernah dilaksanakan di mana-mana rantau sebelum ini.
26. PR-1221-L16982
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa bilangan projek yang ditangguhkan kerana masalah ekonomi, projek-projek tergendala dan projek-projek (dengan kosnya) yang akan diteruskan di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Bagaimana beliau memastikan wujudnya tender terbuka dan kecekapan pelaksanaan projek-projek ini.
27. PR-1221-L17615
Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menyelamatkan untung nasib rakyat yang kehilangan pekerjaan kesan krisis ekonomi dan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil bagi mengurangkan jumlah pengangguran.
28. PR-1221-L17143
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan di bawah dasar penswastaan, peranan pengawal keselamatan di sekolah-sekolah dan jabatan Kerajaan diserahkan kepada syarikat swasta. Syarikat ini didapati tidak menjalankan tugas dengan baik di mana banyak pekerja menjadi mangsa seperti EPF tidak di bayar dan gaji yang rendah serta selalu tertangguh. Apakah Kerajaan berhajat untuk menilaikan semula dasar ini.

29. PR-1221-L17101
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menyemak semula sukatan pelajaran STPM yang terlalu luas.
30. PR-1221-L17805
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan aduan-aduan yang diterima oleh SPRM daripada orang ramai sejak mula ditubuhkan hingga sekarang, bilangan kes yang disiasat atas inisiatif SPRM sendiri dan daripada mereka yang disiasat itu sila nyatakan pecahan sektor seperti politik, perkhidmatan awam, swasta dan kes melibatkan pemilihan UMNO.
31. PR-1221-L17077
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan dari peruntukkan asal Rancangan Malaysia Ke-9 dan berapa dari peruntukan tambahan RM7 bilion yang telah diumumkan pada Oktober 2008 telah juga dilaksanakan setakat masa sekarang.
32. PR-1221-L17511
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah bilangan unit kediaman, pejabat, bangunan yang dimiliki oleh warga asing baik individu mahupun syarikat di Kuala Lumpur dan sejauh mana pemilik-pemilik ini telah mematuhi undang-undang berkaitan.
33. PR-1221-L17038
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai jumlah bapa tunggal yang terdapat di negara ini pada tahun 2008 dan apakah Kerajaan turut memberikan pembelaan sebagaimana perhatian yang diberikan terhadap golongan ibu tunggal.
34. PR-1221-L17395
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah status laporan-laporan polis berikut iaitu Repot Polis Sg. Way Rpt. No 1227/98 dan Repot Polis Sg. Gemas Rpt. 1573/07; dan
 - (b) adakah apa-apa tangkapan atau pendakwaan dikenakan kepada mana-mana pihak bersabit laporan tersebut dan jika ada, sila berikan butirannya. Jika tiada, mengapa.

35. PR-1221-L17272
Dato' Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jenis bantuan yang sedia ada untuk mangsa-mangsa keganasan seksual terutama mereka yang di bawah umur 18 tahun dan langkah-langkah Kementerian untuk menghapuskan masalah sosial ini.
36. PR-1221-L17570
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah projek rumah terbengkalai di kawasan Puchong sejak bulan Mac 2008 dan hasil daripada tindakan tersebut.
37. PR-1221-L16551
Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan prestasi universiti-universiti tempatan berkesan memandangkan masih tidak ada universiti tempatan yang disenaraikan dalam top 100 di dunia.
38. PR-1221-L17492
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mengiktiraf Kerajaan Palestin pimpinan HAMAS yang telah dipilih oleh rakyatnya dalam satu pilihan raya yang bebas.
39. PR-1221-L17851
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia benar-benar berkualiti, berintegritas tinggi dan berkecuali dalam menjalankan tanggungjawab mereka.
40. PR-1221-L17645
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengarahkan semua Ketua Jabatan Persekutuan di negeri-negeri Pakatan Rakyat memulaukan mesyuarat yang dipanggil oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.
41. PR-1221-L17123
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan :-
- (a) apakah kriteria atau syarat penubuhan Perpustakaan Desa di sesuatu kawasan; dan

- (b) bagaimanakah pihak Kementerian menilai keberkesanan pengguna Perpustakaan Desa di kalangan masyarakat setempat.
42. PR-1221-L17800
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini pekerja asing yang sah dan yang tidak sah dalam negara dan nyatakan langkah yang diambil untuk menghantar pekerja-pekerja yang tidak sah kembali ke negara asal.
43. PR-1221-L16717
Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-
- (a) perangkaan jumlah kes dan nilai penyeludupan barangan subsidi seperti petrol, minyak masak, tepung dari tahun 2004 sehingga 2008; dan
- (b) apakah strategi Kerajaan untuk menangani masalah ini.
44. PR-1221-L18043
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam dan dana pengangkutan awam sebanyak RM 35 bilion yang telah diumumkan sejak Jun tahun lalu. Senaraikan jumlah perbelanjaan daripada dana ini yang akan dibelanjakan mengikut projek pembangunan perkhidmatan pengangkutan awam pada tahun 2009 dan 2010.
45. PR-1221-L16509
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan dasar Kerajaan untuk 30 peratus wanita menduduki jawatan yang boleh membuat keputusan di sektor awam.
46. PR-1221-L17539
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tahap penggunaan dana Perkhidmatan Pemberian Sejagat (Universal Service Provision, USF) yang dikelola oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

47. PR-1221-L17233
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berikutan jalan raya ke kawasan penempatan semula Bakun adalah dalam keadaan yang kurang memuaskan dan sangat membahayakan untuk pengguna-pengguna jalan tersebut, terutamanya akibat lubang-lubang besar dan dalam yang terdapat di jalan raya ini, pihak manakah yang sepatutnya bertanggungjawab untuk menyelenggara jalan ini dan mengapakah jalan ini tidak diselenggara.
48. PR-1221-L16669
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai syarikat manakah yang mendapat kontrak membekalkan makanan (makanan halal) dan kelengkapan kepada Tentera Malaysia di luar negara (MALBAT).
49. PR-1221-L18228
Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah eksport minyak sawit mentah (CPO) pada tahun 2006, 2007 dan 2008 dan nyatakan Negara-negara asing yang mengimport CPO tersebut.
50. PR-1221-L17435
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menyambung semula Projek Lebuh Raya Teluk Kumbar- Balik Pulau yang terbengkalai.
51. PR-1221-L16902
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah penekanan pemakaian tali pinggang keledar belakang benar-benar serius kerana masyarakat kita hari ini masih mengabaikannya walaupun pelbagai kempen serta saman sudah dilaksanakan.
52. PR-1221-L16744
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes kegagalan suami memberi nafkah dan menyatakan usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan dalam memberi kesedaran tanggungjawab kepada para suami.
53. PR-1221-L16891
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan :-
- (a) strategi-strategi yang diambil oleh TNB untuk menghadapi cabaran harga bahan api global yang tidak menentu; dan
 - (b) langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk memastikan pengguna tidak perlu menanggung tariff yang tinggi.

54. PR-1221-L18338
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kekerapan masalah 'off line' di Jabatan Pengangkutan Jalan menjejaskan perkhidmatannya dan nyatakan apakah bentuk 'back up' yang sedia ada agar urusan sentiasa lancar di Jabatan tersebut.
55. PR-1221-L16580
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bagaimana Kerajaan boleh menyelaraskan dan memastikan kehendak dan keperluan daripada Laporan EIA sama ada dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan oleh PBT, perunding, pemaju dan lain-lain dipatuhi.
56. PR-1221-L17357
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada sebuah klinik baru akan dibuka atau yang sedia ada akan dipindah daripada lokasi yang kini terletak di atas bukit sebab ia tidak ada pengangkutan awam ke situ.
57. PR-1221-L16515
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah kelahiran yang telah didaftarkan di Malaysia sejak tahun 2000 dan pecahannya mengikut negeri-negeri lain; dan
 - (b) bagi negeri Sabah, berapakah jumlah kelahiran yang didaftarkan dalam tempoh yang sama serta pecahan menurut kaum.
58. PR-1221-L17670
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan permasalahan cetak rompak dan perancangan Kerajaan untuk menanganinya.
59. PR-1221-L17761
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) mengapakah terdapatnya jurang perbezaan bantuan kewangan yang disalurkan kepada penerima bantuan dari Negeri Sarawak jika dibandingkan dengan penerima daripada Semenanjung oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini daripada berlarutan.
60. PR-1221-L17480
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) pada 23 Disember 2008, seorang tahanan polis bernama Prabakaran telah dituang air panas ke atas badannya serta diikat kain pada lehernya dan berdiri di atas kerusi dan diancam akan dibunuh oleh 11 orang anggota polis di Balai Polis Brickfields Kuala Lumpur. Apakah tindakan Kementerian terhadap 11 orang anggota polis ini (selain dari tuduhan 7 orang anggota di mahkamah); dan
- (b) berapakah angka kematian penahanan polis (death in police custody) sejak sepuluh tahun yang lalu.
61. PR-1221-L18144
Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab-sebab kenapa Dewan Bedah Hospital Daerah Besut tidak dapat beroperasi hingga kini, walaupun sudah disiapkan sejak tahun 2004.
62. PR-1221-L17696
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan inisiatif yang diambil oleh beliau di ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membantu memulihkan pendemokrasian serta perdamaian di Myanmar.
63. PR-1221-L18155
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah mekanisme pemantauan yang digunakan oleh beliau di dalam memastikan Rancangan Tempatan Daerah akan menjadi landasan pelaksanaan pembangunan terancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
64. PR-1221-L17197
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah impak kesihatan yang telah dicapai oleh Lembaga Promosi Kesihatan setelah sekian lama ditubuhkan dengan dana jutaan ringgit.
65. PR-1221-L16869
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa sudah wujud satu sekolah tadika dan rendah Kadazan dusun di Sabah. Adakah Kementerian mahu membantu sekolah tersebut seperti bantuan kepada sekolah Cina dan Tamil.

66. PR-1221-L16613
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kaedah untuk menentukan harga petrol dan diesel memandangkan harga minyak mentah telah banyak berubah.
67. PR-1221-L17931
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengapakah projek Agropolitan Pulau Buit ditarik balik memandangkan Kementerian telah dalam prinsipnya bersetuju dan Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak tanah sebanyak empat ribu hektar.
68. PR-1221-L17439
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah pendirian Kerajaan Pusat terhadap terhentinya peruntukan melalui Pihak Berkuasa Negeri bagi projek-projek pembangunan negeri-negeri Pakatan Rakyat; dan
 - (b) berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat bagi pembangunan projek-projek di lima Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat pada tahun 2007. Berapakah jumlah peruntukan pada tahun 2008.
69. PR-1221-L17037
Datuk Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) program atau perancangan untuk membantu para petani, nelayan dan penternak dalam kawasan Papar; dan
 - (b) bolehkah Kementerian memaklumkan program dan peruntukan yang telah disalurkan selama ini dan nyatakan impaknya.
70. PR-1221-L17180
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan hubungan duahala dalam bidang keselamatan antara Malaysia dan Amerika Syarikat khususnya berkaitan dengan Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002.
71. PR-1221-L18398
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan membina sebuah klinik pakar asas di Bahagian Limbang memandangkan sekarang ini perkhidmatan pakar hanya terdapat di Hospital Miri.

72. PR-1221-L18296
Tuan GobalKrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa projek perumahan di Taman Desaku, Padang Meha, di Padang Serai yang sepatutnya siap di bina pada Jun 2008 masih lagi belum disiapkan.
73. PR-1221-L17057
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap penguatkuasaan penggunaan meter teksi kerana teksi di Stesen LRT Kelana Jaya enggan berbuat demikian.
74. PR-1221-L17014
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa konsesi 15 tahun diberi kepada syarikat Libroff Media dan bukan syarikat lain dalam kempen Islam Hadhari untuk mengutip bayaran pengiklanan seperti di Gerbang Rebana Ubi di Jalan Syed Putra, Kuala Lumpur. Berapakah anggaran kutipan bayaran pengiklanan dan jumlah levi kepada Kerajaan sepanjang tempoh konsesi ini.
75. PR-1221-L17928
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah nilai pembelian peralatan atau projek secara direct negotiation oleh Kementerian Pertahanan dari tahun 2006 hingga 2008 dan senaraikan secara terperinci.
76. PR-1221-L18293
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan mewujudkan insurans kesihatan nasional dan sekiranya ya, bila.
77. PR-1221-L17719
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa guru baru yang keluar dari Maktab Perguruan di Sabah dihantar ke negeri Sarawak dan tidak sediakan jawatan untuk mereka di negeri Sabah. Mengapa guru yang tidak faham Bahasa Cina dihantar ke SJK (C).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Razali bin Haji Ibrahim [Muar] dan masalah dicadangkan:-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kedua Belas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (2 Mac 2009)

2.	(D.R. 31/2008)	Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008.	Bacaan Kali Yang Kedua
3.	(D.R. 30/2008)	Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008.	“
4.	(D.R. 14/2008)	Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008.	“
5.	(D.R. 15/2008)	Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008.	“
6.	(D.R. 19/2008)	Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008.	“
7.	(D.R. 28/2008)	Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008	“
8.	(D.R. 18/2008)	Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 2008.	“
9.	(D.R. 20/2008)	Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008.	“
10.	(D.R. 26/2008)	Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008.	“

11. (D.R. 29/2008) Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008. “
12. (D.R. 13/2008) Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 – **Pertimbangan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (28 Ogos 2008)**

13. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8 (3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM30 juta kepada Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMPSB), suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti.”

14. PR-1221-U16540
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa fenomena pemanasan dunia (Global Warming) sejak akhir-akhir ini telah menjadi begitu serius dan negara Malaysia tidak terkecuali daripada hambatan fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, keadaan cuaca negara kita tidak lagi menentu di mana hujan dan panas tidak lagi bermusim. Keadaan ini telah menyebabkan kejadian banjir kilat, tanah runtuh dan banyak lagi kemusnahan alam sekitar yang lain. Dan mengambil maklum bahawa, kesan pemanasan dunia ini telah menyebabkan suhu air laut meningkat yang mana menyebabkan paras air laut meningkat dan kemusnahan terumbu-terumbu karang yang dahulunya menjadi sarang pembiakan hidupan marin. Dan mengambil maklum bahawa akhir-akhir ini, akibat daripada fenomena ini, ramai jiwa yang tidak berdosa juga turut terkorban. Maka, dengan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil peranan secara aktif dan mengerahkan semua jentera Kerajaan untuk meminda dan menguatkuasakan undang-undang, sama ada yang sedia ada atau pun yang bakal dipinda, supaya mana-mana aktiviti yang boleh menyebabkan kemusnahan alam ini dapat dibendung atau dikurangkan ke tahap minima."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

15. PR-1221-U16550

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara Malaysia mula dipengaruhi dengan masalah polarisasi kaum. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya polarisasi kaum ini tidak dibendung sekarang, negara akan terjunam ke kancah ketegangan dan perpecahan kaum. Dan mengambil maklum bahawa peranan untuk mengharmonikan hubungan antara kaum di negara ini boleh dipupuk dengan berbagai cara termasuklah peranan oleh Kerajaan badan-badan bukan Kerajaan, badan-badan keagamaan dan sebagainya. Dan mengambil maklum juga bahawa usaha Kerajaan dalam menangani masalah ini boleh dipanjangkan lagi kepada badan-badan yang dimaksudkan di atas. Dan mengambil maklum juga bahawa syarikat-syarikat termasuklah agensi-agensi Kerajaan atau para majikan juga boleh memainkan peranan yang penting ke arah keharmonian kaum di negara ini, di mana sekiranya para majikan menyediakan kuota bagi pengambilan pekerja mereka di semua peringkat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar-dasar atau akta meminta badan-badan yang disebutkan di atas untuk memainkan peranan dalam usaha ini dan dalam pada yang sama Kerajaan hendaklah memberikan mereka dana yang secukupnya bagi maksud ini. Maka dengan ini dewan ini hendaklah juga mengambil ketetapan untuk meminta dan memastikan majikan untuk mengamalkan pengambilan pekerja menurut pecahan kaum di negara ini."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

16. **Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)** akan mencadangkan :-

'Bahawa Dewan ini membincangkan kelakuan Tan Sri Zaki Tun Azmi, Ketua Hakim Negara Malaysia, dalam menyatakan tanpa sebarang syarat di Kuching pada 7hb November, 2008 bahawa apabila beliau merupakan seorang pengamal undang-undang pada tahun 1987, antara lain yang berikut:

"It took me six months to be nice, to bribe each and every individual to get back into their good books before our files were attended to. That was my personal experience and I am telling this to all clerks and all the registries to stop this nonsense."

dan kemudian menjelaskan [pada 8hb November, 2008, berkenaan laporan dalam akhbar NST bertarikh 8hb November, 2008 yang menerbitkan kata-kata di atas] seperti berikut:

"I refer to your report on page 4 of the NST headlined, "Stop it now, corrupt court staff warned. "

Your reporter must have interpreted what I said, which is that during that period there was corruption in order to get things done at the court registry, as myself having done it.”

Yang mana adalah jelas merupakan satu penipuan yang mengakibatkan keseluruhan badan kehakiman yang diketuai oleh beliau mendapat nama buruk.

Dan Dewan ini mengambil notis, bahawa Surat Terbuka bertarikh 16hb Disember 2008 oleh YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor telah memanggil kepada Tan Sri Zaki Tun Azmi untuk meletak jawatan sebagai Ketua Hakim, Malaysia atas alasan bahawa beliau telah mengakui secara umum bahawa beliau telah melakukan rasuah pada tahun 1987 tetapi sehingga kini YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor masih belum menerima sebarang maklum balas daripada beliau dan ini jelas menunjukkan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi mengakui diri beliau adalah korup.

Dan Dewan ini memanggil Perdana Menteri untuk mengguna pakai peruntukan Perkara 125(3), Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan merujuk Tan Sri Zaki Tun Azmi kepada satu Tribunal berdasarkan fasal 4 untuk memecat Tan Sri Zaki Tun Azmi daripada jawatan sebagai Ketua Hakim Negara atas alasan salah laku di mana beliau telah menipu secara umum.

Dan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi adalah digantung kerja sebagai Ketua Hakim Negara sementara menunggu suatu laporan daripada Tribunal tersebut di bawah klausa 3.

Ahli-ahli yang Berhormat yang turut mengusulkan:-

- 2) YB Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
- 3) YB Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
- 4) YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- 5) YB Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- 6) YB Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- 7) YB Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- 8) YB Tuan Kulasegaran a/l Murugeson (Ipoh Barat)
- 9) YB. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan)
- 10) YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

- 11) YB Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
- 12) YB Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
- 13) YB Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
- 14) YB Puan Teo Nie Ching (Serdang)
- 15) YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- 16) YB Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
- 17) YB Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan)
- 18) YB Dr. Charles Santiago (Klang)
- 19) YB Tuan Jef Ooi Chuan Aun (Jelutong)
- 20) YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
- 21) YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
- 22) YB Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- 23) YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
- 24) YB Tan Sri Dato' Khalid bin Ibrahim (Bandar Tun Razak)
- 25) YB Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
- 26) YB Tuan Gobalakrisnan a/l Nagapan (Padang Serai)
- 27) YB Tuan Zulkifli bin Nordin (Kulim Bandar Baharu)
- 28) YB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (Permatang Pauh)
- 29) YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
- 30) YB Tuan Chua Tian Chang (Batu)
- 31) YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang)
- 32) YB Dato' Johari Abdul (Sg. Petani)
- 33) YB Dato' Dr. Zainal Abidin Ahmad (Hulu Selangor)
- 34) YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang)

- 35) YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai)
- 36) YB Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
- 37) YB Tuan Mohd. Yusmadi Bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
- 38) YB Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)
- 39) YB Dato' Kamaruddin bin Jaffar (Tumpat)
- 40) YB Dato' Haji Wan Abd. Rahim Bin Wan Abdullah
(Kota Bharu)
- 41) YB Dr. Mohd. Hatta Bin Md. Ramli (Kuala Krai)
- 42) YB Dr. Lo' Lo' binti Haji Mohamed Ghazali (Titiwangsa)
- 43) YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang (Marang)
- 44) YB Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa)
- 45) YB Dr. Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
- 46) YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja)
- 47) YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusof (Rantau Panjang)
- 48) YB Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota)
- 49) YB Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
- 50) YB Dato' Rashid Bin Din (Merbok)
- 51) YB Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
- 52) YB Tuan Haji Ahmad Bin Kasim (Kuala Kedah)
- 53) YB Dr. Haji Mohd. Hayati Bin Othman (Pendang)
- 54) YB Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
- 55) YB Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
- 56) YB Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md. Taib (Baling)
- 57) YB Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
- 58) YB. Tuan Muhamad bin Husain (Pasir Putih)

59) YB. Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)

60) YB. Tuan Mohd Nasir Bin Zakaria (Padang Terap)

61) YB. Tuan Mohd. Firdaus Bin Jaafar (Jerai)

62) YB. Tuan Che Uda bin Che Nik (Sik)

(Perdana Menteri)

17. PR-1221-U16591

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat rungutan para majikan terutama sekali dalam sektor industri tani, perladangan dan pembuatan bahawa mereka terpaksa mengambil atau mengimport tenaga kerja daripada negara luar kerana ketiadaan tenaga kerja dari negara ini. Dan mengambil maklum bahawa dengan kebanjiran tenaga kerja dari luar negara ini, banyak masalah sosial yang timbul selain daripada masalah ketenteraman awam. Selain itu tukaran asing negara juga turut terlibat dengan pemindahan wang yang berjumlah berjuta-juta ringgit sebulan setiap kali mereka mengirinkan wang ke negara asal mereka. Dan mengambil maklum bahawa terdapat ramai kanak-kanak yang tidak bernegara (stateless kids) pemegang IMM13 dan mereka yang diberikan status penduduk tetap di negeri Sabah dan juga negara Malaysia. Mereka ini merupakan sumber tenaga buruh yang sedia ada di negara ini dan kebanyakan mereka ini tidak lagi bercadang untuk kembali ke negara asal mereka dan sekali gus tukaran asing negara tidak terjejas kerana tidak ada kiriman wang yang dibuat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan latihan vokasional kepada mereka yang dimaksudkan di atas bagi membolehkan mereka bekerja di negara ini dan sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber tenaga kerja asing."

(Menteri Sumber Manusia)

18. PR-1221-U16629

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi peluang kepada masyarakat India dan Cina menjawat jawatan di sektor perkhidmatan awam secara beramai-ramai."

(Perdana Menteri)

19. PR-1221-U16630
Dr. Ramasamy a/I Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membina Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia demi memenuhi keperluan masyarakat India."

(Menteri Pelajaran)

20. PR-1221-U16698
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan mengenal pasti dan merancang satu sistem pelupusan sisa pepejal yang terbaik, bersepadu dan mesra alam dalam kadar seberapa segera mungkin bagi membolehkan sisa pepejal dapat di kitar semula sehingga lebih 70% supaya boleh ditukar dalam berbagai produk termasuk penjaan tenaga dan 30% sisa organik lain boleh dijadikan baja kompos setelah disimpan hanya beberapa bulan di tapak pelupusan sanitari. Cadangan ini dibuat memandangkan hampir semua negeri-negeri di seluruh negara mengalami masalah kekurangan tapak pelupusan sisa pepejal yang kemudian berkait dengan jadual kutipan sisa pepejal dan status kebersihan sekitar. Dalam masa yang sama usaha gigih perlu dibuat dalam melatih dan mendisiplinkan masyarakat melaksanakan sistem kitar semula sebagaimana yang dilaksanakan dalam negara maju bagi memudahkan pengurusan sisa pepejal di masa akan datang."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

21. PR-1221-U16702
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta supaya Pengajaran/Pembelajaran Sains dan Matematik (PPSM) terutama peringkat rendah sudah sampai masa di tukar balik pengajarannya dalam Bahasa Ibunda masing-masing memandangkan tahap pencapaian pelajar selepas satu kohot jelas kurang memuaskan terutama bagi pelajar luar bandar (Desa). PPSMI yang dilaksanakan sejak September 2002 adalah bertentangan dengan Dasar Kebangsaan, Akta Pendidikan 1961/1986/1996, Penyata Rahman Talib, 1960, Penyata Razak, 1956 serta akta-akta lain termasuk Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Oleh itu kita perlu kembali kepada dasar yang betul iaitu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dibuat oleh Kerajaan sendiri."

(Menteri Pelajaran)

22. PR-1221-U16704

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan membina banyak lagi empangan di hulu sungai bagi membantu mendapatkan bekalan air bersih tanpa pencemaran yang tinggi sebagaimana amalan sekarang di mana punca air diambil dari sungai yang sudah tercemar."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

23. PR-1221-U16710

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia supaya tidak membazir wang yang banyak dalam menyediakan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai bagi menjaga keselamatan dalam mana-mana pilihan raya kecil bagi memastikan demokrasi berjalan lancar kerana rakyat makin matang dan bersedia mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak keselamatan apabila ruang dan peluang yang sama dan adil diberi kepada parti-parti yang bertanding. Sebaliknya bilangan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai boleh mewujudkan suasana tegang, tidak selesa dan risau kepada pengundi."

(Menteri Dalam Negeri)

24. PR-1221-U16788

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan untuk mengambil pendirian mengenai kezaliman yang sedang berlaku di Negara Palestin dan Sri Lanka yang tidak menghormati hak asasi manusia sehingga membunuh beribu-ribu nyawa yang tidak bersalah."

(Menteri Luar Negeri)

25. PR-1221-U16790

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan harus mengubahsuaikan cara koordinasi yang baru melalui penubuhan satu suruhanjaya untuk memantau kemajuan sekolah SK, SJK(C) dan SJK(T) serta pengambilan guru-guru tetap di sekolah-sekolah ini secara seimbang."

(Menteri Pelajaran)

26. PR-1221-U16990
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana Pasukan Polis Diraja berjaya melaksanakan syor-syor Laporan Suruhanjaya Diraja, pengambilan rekrut untuk mencapai bilangan 150,000 anggota dan keberkesanan untuk menjaga keselamatan di seluruh negara."

(Menteri Dalam Negeri)

27. PR-1221-U16991
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi tsunami kewangan termasuk sebab musabab harga diesel, gas dan petrol tidak boleh diturunkan lagi."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

28. PR-1221-U17074
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agong Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

29. PR-1221-U17085

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa bekas Menteri Luar Negeri (1999), Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dikenakan tindakan di bawah Peraturan Tetap 13(2) dan dibawa ke Jawatankuasa Disiplin kerana berbohong di Dewan Rakyat yang mulia pada 15 Julai 1999. Pada hari tersebut ketika membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 yang dirujuk di dalam Hansard Jilid V, Bil. 24, 15 Julai 1999, p.67 berkata:-Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa akta Suruhanjaya ini memenuhi Prinsip-prinsip Paris, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat juga telah diberi perhatian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Menurut laporan dan cadangan International Coordinating Committee (ICC) bertarikh 21 April 2008 di Geneva, penggubalan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 tidak berlandaskan kepada Prinsip Paris sehingga kedudukan Malaysia mungkin diturunkan dari "A" kepada "B".

(Perdana Menteri)

30. PR-1221-U17179

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan dengan ini memutuskan agar setiap penduduk di Sabah yang telah dan sedang mendaftar sebagai Daftar Lewat Sijil Kelahiran yang terkandung dalam Undang-undang Pendaftaran Sijil Kelahiran juga mengguna pakai Ordinan Kelahiran Sabah, Cap 123 tahun 1953 yang disatukan sebagai undang-undang sewaktu pembentukan negara Malaysia pada 16 September 1963 dalam Akta Pendaftaran Kelahiran."

(Menteri Dalam Negeri)

31. PR-1221-U17183

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan dengan ini menetapkan untuk membincang berkaitan tarikh pembentukan negara Malaysia agar perkara ini tidak lagi dipertikaikan dan tarikh tersebut dapat dicatatkan ke dalam rekod Kerajaan dan dapat dicetak ke dalam buku sejarah yang diguna dalam pendidikan sejarah di sekolah-sekolah dan pengajian tinggi."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

32. PR-1221-U17188
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- " Bahawa Dewan dengan ini dapat membincang dengan seriusnya mengenai kedudukan Cabotage Policy agar polisi ini tidak mengetepikan hak rakyat Sabah dalam pengangkutan perkapalan laut serta tidak membezakan harga barangan seharian bagi Semenanjung dan Sabah / Sarawak."
- (Menteri Pengangkutan)**
33. PR-1221-U17960
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan harus menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dengan segera. Ini dapat dijelaskan melalui SUHAKAM. SUHAKAM menyatakan bahawa ISA menahan seseorang tanpa bicara bertentangan dengan deklarasi Hak Asasi Manusia. Dalam laporan dan kajian SUHAKAM mencadangkan agar akta zalim itu dimansuhkan sepertimana hasil kajian yang telah dihantar kepada Kerajaan sejak tahun 2003."
- (Perdana Menteri)**
34. PR-1221-U17966
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan membahaskan dan memindahkan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta 597) sepertimana ditegaskan oleh The International Coordinating Committee (ICC) bahawa beberapa perkara tidak jelas dan mematuhi prinsip-prinsip Paris dan kemungkinan diturunkan dari status A ke B. Berdasarkan pemerhatian oleh ICC, SUHAKAM diberi tempoh sehingga April 2009 sahaja dan Kerajaan harus memberi perhatian serius untuk mempertahankan status SUHAKAM."
- (Perdana Menteri)**
35. PR-1221-U18080
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang negara."
- (Menteri Penerangan)**

36. PR-1221-U18084

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

37. PR-1221-U18087

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

38. PR-1221-U18090

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

39. PR-1221-U18093

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB. Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Perdana Menteri)

40. PR-1221-U18211

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibentangkan kepada Panel Penilaian Bebas untuk dinilai dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara, kemudian dibahaskan dalam Parlimen, demi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. Ini adalah berikutan dari kes prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mengenai pembelian 12 unit EC-725 telah mendatangkan kesan positif dalam menjelaskan proses pembelian aset pertahanan kepada rakyat umum."

(Menteri Pertahanan)

41. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

'Islam adalah agama bagi Persekutuan **termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya**'.

(Perdana Menteri)

42. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

'Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, **kecuali undang-undang dan syariat Islam**, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat ia berlawanan itu'.

(Perdana Menteri)

43. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

‘Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam.

Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya’.

(Perdana Menteri)

44. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:-

‘tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan’ dan diganti dengan perkataan berikut:-

‘dan mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syarak’ dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang Islam’.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas”.

(Perdana Menteri)

45. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah memansuhkan dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain anggota beruniform tidak dipaksa dan/atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/atau bertafakur di hadapan Tugu Negara”.

(Menteri Dalam Negeri)

46. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan autoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-raja”.

(Perdana Menteri)

47. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**’ dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Menteri Luar Negeri)

48. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya peruntukan pembangunan berjumlah RM1,000,000-00 dan lain peruntukan yang selama ini diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional juga diberikan kepada kesemua Ahli Parlimen termasuk dari bukan Kerajaan menurut terma dan syarat sebagaimana yang diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional”.

(Menteri Kewangan)

49. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**’ dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Perdana Menteri)

50. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India**’ dengan Menteri Kewangan sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Menteri Kewangan)

51. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut”.

(Menteri Pelajaran)

52. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan atau halangan”.

(Menteri Penerangan)

53. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta”.

(Menteri Dalam Negeri)

54. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Air Asia supaya kakitangan wanitanya terutama pramugari hendaklah berpakaian yang lebih sopan sekurang-kurangnya seperti pramugari Penerbangan Malaysia”.

(Menteri Pengangkutan)

55. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia dan Air Asia supaya membenarkan kakitangan wanitanya yang beragama Islam khususnya pramugari dibenarkan memakai tudung menurut yang ditetapkan oleh hukum syarak' dengan pakaian seragam yang bersesuaian sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei Airline dan lain-lain”.

(Menteri Pengangkutan)

56. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras sebagaimana yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei dan lain-lain”.

(Menteri Pengangkutan)

57. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom di premisnya”.

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

58. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al-Maunah dan lain-lain jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi”.

(Menteri Dalam Negeri)

59. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Hindu Hindraf dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi”.

(Menteri Dalam Negeri)

60. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jame’ Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Aidilfitri dan Aidiladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini”.

(Perdana Menteri)